

# Erdec UMS dekati komuniti ibu tunggal melalui program CSR

UB 20.12.2018 A6

KOTA KINABALU: Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (Erdec) Universiti Malaysia Sabah(UMS) telah mengadakan siri program perkongsian ilmu keusahawanan bersama Persatuan Ibu Tunggal Sabah (Pitsa).

Bertemakan ‘Ke Arah Usahawan Wanita Berjaya’, program itu yang diadakan sebagai memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) Erdec mula dijalankan bersama Persatuan Ibu Tunggal Kota Marudu (PITKM) pada 31 Oktober lalu, diikuti dengan Persatuan Ibu Tunggal Gabungan Kota Kinabalu, Tambunan dan Bongawan pada 3 November, dan seterusnya Persatuan Ibu Tunggal Nur Kasih, Kota Kinabatangan pada 14 November.

Pengarah Erdec UMS Dr Salmah Topimin berkata, program itu merupakan sebahagian daripada perancangan program libat sama Erdec bersama komuniti usahawan di negeri ini.

“Komuniti ibu tunggal ini telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada kumpulan sasaran yang signifikan dalam pembangunan keusahawanan



**ANTARA** peserta siri program perkongsian ilmu keusahawanan bersama Pitsa anjuran Erdec UMS.

di negeri ini.

“Hakikat bahawa kumpulan ini merupakan kumpulan usahawan yang mudah menerima pendedahan berkaitan aspek keusahawanan telah mendorong pihak Erdec untuk membantu meningkatkan potensi kecemerlangan kerjaya keusahawanan mereka melalui perkongsian ilmu dan pengetahuan keusahawanan,” katanya.

Tambah beliau, pengendalian program di tiga kawasan terpilih itu menumpukan kepada

gabungan ilmu keusahawanan teori dan praktikal serta mengikut kesesuaian cadangan topik yang diberikan oleh persatuan terbabit, dengan tenaga pengajar yang terdiri daripada para pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) UMS iaitu Dr Noor Fzinda Fabeil, Haslinda Hasan dan Ahmad Shakani Abdullah telah terlibat menjayakan program itu.

Salmah turut berharap agar pengajuran program itu dapat meningkatkan motivasi serta keupayaan keusahawanan

dalam kalangan ibu tunggal di Sabah dan seterusnya mengukuhkan daya saing perniagaan dan ekonomi keluarga mereka.

“Saya turut menyarankan agar dilaksanakan satu kajian menyeluruh tentang potensi keusahawanan dalam kalangan kumpulan ibu tunggal di Sabah, dengan kaedah penyelidikan yang digunakan haruslah bersesuaian dengan kumpulan yang disasarkan bagi memahami cabaran dan hakikat yang dilalui oleh kumpulan usahawan ibu tunggal ini.

“Dengan kata lain, kaedah penyelidikan seharusnya memberi ruang kepada kumpulan sasaran tersebut untuk berkongsi pengalaman mereka, dan apa yang penting, melalui kajian itu, realiti sebenar daripada pengalaman keusahawanan mereka dapat didedahkan,” katanya.

Sementara itu, Presiden Pitsa Norhanida @Bernadate Annol berkata, kursus sebegini amat diperlukan oleh ahlinya sebagai penyuntik semangat dan galakan kepada mereka dalam menjalankan aktiviti perniagaan dan

seterusnya membantu untuk mengukuhkan sumber pendapatan.

“Sebilangan besar daripada ahli Pitsa tidak mempunyai pendapatan tetap dan berhadapan pelbagai cabaran untuk memantapkan ekonomi keluarga mereka.

“Penglibatan mereka sebagai peniaga kecil-kecilan dalam bidang jahitan, penyediaan makanan, peruncitan dan pemprosesan makanan kering serta basah amat memerlukan pelbagai bentuk sokongan seperti kewangan, prasarana fizikal, peralatan dan latihan keusahawanan bagi membantu kelangsungan perniagaan mereka, pendedahan daripada program ini amat membantu mereka untuk mengembangkan daya keusahawanan mereka,” katanya.

Program sehari itu melibatkan lebih 120 peserta dalam kalangan ibu tunggal yang berpeluang mendapat ilmu berkaitan teknik mengenal pasti masalah, merancang strategi perniagaan, teknik pemasaran berkesan, merekodkan kewangan dan penyediaan masakan barat sepanjang berlangsungnya program itu.